

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT,  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM  
(PORT DICKSON)**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PERTAHANAN** menyatakan apakah langkah yang diambil Kerajaan untuk mengemaskinikan aset pertahanan udara; dan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menggantikan pesawat-pesawat tersebut serta sejauh mana penilaian yang telah dibuat bagi menggantikan aset-aset pertahanan yang usang secara menyeluruh.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian amat komited dan sentiasa mengambil langkah pro-aktif untuk mengemaskini aset pertahanan udara. Kementerian memperakui terdapat keperluan peningkatan dan pembangunan keupayaan pertahanan udara demi memastikan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) kekal relevan untuk memantau dan mempertahankan ruang udara negara. Keperluan ini bukan sahaja kerana aset dan sistem yang dimiliki TUDM telah usang tetapi juga berdasarkan perkembangan geo-strategik dan perkembangan teknologi masa kini dan akan datang. Antara pesawat dan sistem milik TUDM yang sudah usang berpandukan Dasar Kasting iaitu had umur yang ekonomik yang ditetapkan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) adalah seperti pesawat pejuang MiG-29, HAWK dan F/A-18D, helikopter Nuri, pesawat angkut C130 dan sistem Radar Pertahanan Udara.

Rancangan pengemaskinian aset pertahanan udara ini akan dilaksanakan berdasarkan Pelan Pembangunan Keupayaan TUDM 2055 atau CAP55 yang diformulasikan oleh pihak pengguna sendiri iaitu TUDM. Pelan ini menggariskan perancangan menyeluruh pembangunan keupayaan TUDM sehingga tahun 2055 yang merangkumi perolehan aset baru selari dengan peredaran masa, penggantian pesawat yang usang dan naik taraf aset sedia ada. Pelan ini mengambil kira faktor perancangan yang realistik berdasarkan keutamaan masa yang berfokuskan kepada pengurangan jenis pesawat, menangani isu keusangan dan peningkatan kos senggaraan.

Kementerian komited terhadap pelaksanaan pelan CAP55 agar penggantian aset-aset TUDM yang usang secara menyeluruh dapat dilaksanakan.